

MyDIGITAL: Perkasa kemahiran tempatan

PETALING JAYA: Kerajaan perlu mempunyai perancangan untuk memperkasakan pekerja atau pelajar tempatan dalam kemahiran yang diperlukan bagi merealisasikan inisiatif MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Komputer UniKL, Fuead Ali berkata, itu merupakan sebahagian daripada cabaran yang perlu dihadapi kerajaan bagi mencapai matlamat yang digariskan dalam inisiatif tersebut.

“(Ini) supaya kita tidak bergantung terhadap tenaga pakar dari luar negara dalam masa yang panjang bagi menjayakan

matlamat ekonomi digital ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Fuead turut menggariskan beberapa cabaran lain, termasuk tahap literasi digital dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar.

Kata beliau, jika tidak diberi perhatian khusus, masyarakat luar bandar akan ketinggalan dan mereka akan kehilangan manfaat serta keistimewaan daripada konsep ekonomi digital tersebut.

“Di samping itu juga, kos internet khususnya internet berkelajuan tinggi haruslah mampu milik terutamanya bagi



FUEAD ALI

pelaksanaan ekonomi digital dapat diselaraskan kepada masyarakat bandar dan luar

bandar,” katanya.

Menurut beliau, Malaysia mungkin agak terlewat untuk mewujudkan masyarakat digital melalui inisiatif MyDigital dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia namun ia merupakan tindakan yang perlu bagi negara.

Jelas beliau, inisiatif sama telah dijalankan beberapa negara lain dan yang paling terkenal ialah Jepun yang memperkenalkan konsep *Society 5.0* pada Januari 2016.

Namun, kata beliau, walaupun Malaysia tidak mempelopori bidang tersebut, tindakan tersebut diperlukan, ditambah

dengan situasi pandemik Covid-19 ketika ini.

“Malaysia perlu mempunyai konsep *Society 5.0* kita sendiri untuk merencanakan perkembangan ekonomi dengan melangkaui kekangan akibat Covid-19.

“Bagi saya, ini merupakan masa yang terbaik bagi pelancaran rangka tindakan tersebut,” katanya.

Menurut Fuead, rangka tindakan yang merangkumi tiga fasa selama 10 tahun itu bakal memberi manfaat terhadap rakyat Malaysia terutamanya kepada capaian internet berkelajuan tinggi.